

**Generali Insurance Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 Emel: customer.service.gi@generali.com.my

[www.generali.com.my](http://www.generali.com.my)

Tarikh:

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**BORANG CADANGAN SMARTPA ENHANCED****NOTIS PENTING**

- Menurut Perenggan 5, Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.  
Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan ganjaran Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.  
Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini, Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.  
Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.
- Data peribadi ("Data Peribadi") yang dikemukakan dan dikumpul daripada anda boleh digunakan oleh Kami dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Generali dan/atau mana-mana syarikat bersekutunya, di dalam atau di luar Malaysia, untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan insurans atau pemasaran langsung kami. Sehubungan dengan ini, kami boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana syarikat yang disebutkan di atas. Kami juga boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana pihak ketiga lain (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, penanggung insurans semula, penyelaras/penyiasat tuntutan, persatuan industri yang berkaitan, pengawal selia, badan berkanun, pihak berkuasa kerajaan dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajiban kerahsiaan dan/atau yang telah melaksanakan tanggungjawab untuk menyimpan data tersebut sulit). Senarai lengkap pendedahan kami kepada pihak ketiga boleh didapati di Notis Data Privasi di laman web kami.  
Kami akan berhenti menggunakan Data Peribadi jika anda meminta Kami untuk berbuat demikian. Untuk maklumat lanjut tentang cara untuk melaksanakan hak anda, sila rujuk kepada "Notis Data Privasi" dalam mukasurat 5 atau laman web kami di [www.generali.com.my](http://www.generali.com.my)
- Premium yang dikenakan untuk Polisi ini tidak termasuk cukai terpakai yang akan dikenakan pada masa hadapan dan dari semasa ke semasa, Kami berhak untuk mendapatkan semula daripada Anda sebarang cukai yang perlu dibayar di bawah peruntukkan undang-undang oleh undang-undang untuk dikutip.
- Borang Cadangan merupakan sebahagian daripada kontrak polisi.

**A. BUTIR-BUTIR PENCADANG**

|                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                               |                                                                                         |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| Gelaran: <input type="checkbox"/> En <input type="checkbox"/> Puan <input type="checkbox"/> Cik <input type="checkbox"/> Cik Puan <input type="checkbox"/> Dr <input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan: _____                                            |                                               | Jantina*: <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan            |
| Nama* (seperti dalam K/P/Pasport>Nama Syarikat Berdaftar):                                                                                                                                                                                                        |                                               |                                                                                         |
| Nama Diinsuranskan* (jika tidak sama dengan pencadang):                                                                                                                                                                                                           |                                               |                                                                                         |
| Alamat Surat-menyurat*:                                                                                                                                                                                                                                           |                                               |                                                                                         |
| Poskod*:                                                                                                                                                                                                                                                          | No. K/P/Pasport/Pendaftaran Syarikat baharu*: |                                                                                         |
| Tarikh Lahir*: hh/bb/tt                                                                                                                                                                                                                                           | E-mel*:                                       |                                                                                         |
| No. Tel (H/P)*:                                                                                                                                                                                                                                                   | No. Tel (Pejabat):                            | No. Tel (Rumah):                                                                        |
| Jenis Perniagaan/Perniagaan Majikan:                                                                                                                                                                                                                              |                                               | Status Perkahwinan*: <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Bujang |
| Jawatan Anda:                                                                                                                                                                                                                                                     |                                               | Warganegara*:                                                                           |
| Pekerjaan (tugasan/huraian kerja yang tepat):                                                                                                                                                                                                                     |                                               |                                                                                         |
| Sifat Kerja: <input type="checkbox"/> Kelas 1 <input type="checkbox"/> Kelas 2 <input type="checkbox"/> Kelas 3                                                                                                                                                   |                                               |                                                                                         |
| SIFAT KERJA - KLASIFIKASI PEKERJAAN                                                                                                                                                                                                                               |                                               |                                                                                         |
| Kelas 1: Profesion dan pekerjaan yang melibatkan tugas bukan manual, pentadbiran atau perkeranian, semata-mata di pejabat atau tempat yang tidak berbahaya yang serupa.                                                                                           |                                               |                                                                                         |
| Kelas 2: Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja manual ringan sekali-sekala, atau yang melibatkan perjalanan, atau tugas penyeliaan, pendedahan kepada risiko daripada khas bahaya.                                                                        |                                               |                                                                                         |
| Kelas 3: Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja manual ringan tetapi tidak melibatkan penggunaan alatan berkuasa seperti memotong, mengisar, atau peranti menggergaji atau perlombongan, pembalakan dan aktiviti lain yang serupa yang bersifat berbahaya. |                                               |                                                                                         |

\*Bahagian yang diperlukan

**B. BUTIR-BUTIR AHLI KELUARGA YANG AKAN DIINSURANSKAN**

**Pasangan:**  
Nama (seperti dalam K/P/Pasport baharu):

|                                               |                        |                                                                             |
|-----------------------------------------------|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| No. K/P/Pasport baharu:                       | Tarikh Lahir: hh/bb/tt | Jantina: <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan |
| Jawatan Anda:                                 | Warganegara*:          |                                                                             |
| Pekerjaan (tugasan/huraian kerja yang tepat): |                        |                                                                             |

**Kanak-kanak - Asas bernama:**  
Bilangan Kanak-kanak (berumur antara 30 hari hingga 18 atau sehingga 23 tahun jika mengikuti pendidikan sepenuh masa): \_\_\_\_\_

|   | Nama | No. K/P/MyKID/Pasport | Tarikh Lahir | Jantina |
|---|------|-----------------------|--------------|---------|
| 1 |      |                       |              |         |
| 2 |      |                       |              |         |
| 3 |      |                       |              |         |
| 4 |      |                       |              |         |

**C. BUTIRAN INSURANS**

Sila tandakan ( ✓ ) pelan yang diperlukan:

| A) Manfaat                                             | Orang Yang Akan Diinsuranskan | Jadual Premium (sebelum 8% Cukai Perkhidmatan) |                                 |                                   |                                   |                                   |                                   |                                   |
|--------------------------------------------------------|-------------------------------|------------------------------------------------|---------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
|                                                        |                               | Pelan 1                                        | Pelan 2                         | Pelan 3                           | Pelan 4                           | Pelan 5                           | Pelan 6                           | Pelan 7                           |
| Pekerjaan Kelas 1 & 2                                  | Diri Sahaja                   | <input type="checkbox"/> RM 131                | <input type="checkbox"/> RM 197 | <input type="checkbox"/> RM 328   | <input type="checkbox"/> RM 458   | <input type="checkbox"/> RM 708   | <input type="checkbox"/> RM 1,010 | <input type="checkbox"/> RM 1,313 |
|                                                        | Diri & Pasangan               | <input type="checkbox"/> RM 234                | <input type="checkbox"/> RM 353 | <input type="checkbox"/> RM 587   | <input type="checkbox"/> RM 821   | <input type="checkbox"/> RM 1,270 | <input type="checkbox"/> RM 1,814 | <input type="checkbox"/> RM 2,358 |
|                                                        | Diri atau Pasangan & Anak     | <input type="checkbox"/> RM 222                | <input type="checkbox"/> RM 302 | <input type="checkbox"/> RM 454   | <input type="checkbox"/> RM 608   | <input type="checkbox"/> RM 888   | <input type="checkbox"/> RM 1,218 | <input type="checkbox"/> RM 1,583 |
|                                                        | Diri, Pasangan & Anak         | <input type="checkbox"/> RM 340                | <input type="checkbox"/> RM 479 | <input type="checkbox"/> RM 747   | <input type="checkbox"/> RM 1,018 | <input type="checkbox"/> RM 1,523 | <input type="checkbox"/> RM 2,124 | <input type="checkbox"/> RM 2,761 |
| Pekerjaan Kelas 3                                      | Diri Sahaja                   | <input type="checkbox"/> RM 253                | <input type="checkbox"/> RM 392 | <input type="checkbox"/> RM 662   | <input type="checkbox"/> RM 933   | <input type="checkbox"/> RM 1,451 | <input type="checkbox"/> RM 2,077 | <input type="checkbox"/> RM 2,700 |
|                                                        | Diri & Pasangan               | <input type="checkbox"/> RM 365                | <input type="checkbox"/> RM 560 | <input type="checkbox"/> RM 939   | <input type="checkbox"/> RM 1,321 | <input type="checkbox"/> RM 2,051 | <input type="checkbox"/> RM 2,931 | <input type="checkbox"/> RM 3,810 |
|                                                        | Diri atau Pasangan & Anak     | <input type="checkbox"/> RM 300                | <input type="checkbox"/> RM 421 | <input type="checkbox"/> RM 652   | <input type="checkbox"/> RM 888   | <input type="checkbox"/> RM 1,317 | <input type="checkbox"/> RM 1,817 | <input type="checkbox"/> RM 2,362 |
|                                                        | Diri, Pasangan & Anak         | <input type="checkbox"/> RM 482                | <input type="checkbox"/> RM 700 | <input type="checkbox"/> RM 1,122 | <input type="checkbox"/> RM 1,549 | <input type="checkbox"/> RM 2,342 | <input type="checkbox"/> RM 3,282 | <input type="checkbox"/> RM 4,267 |
| B) Manfaat Pilihan (Hilang Upaya Menyeluruh Sementara) | Orang Yang Akan Diinsuranskan | Pelan 1                                        | Pelan 2                         | Pelan 3                           | Pelan 4                           | Pelan 5                           | Pelan 6                           | Pelan 7                           |
| Pekerjaan Kelas 1 & 2                                  | Diri sendiri sahaja           | <input type="checkbox"/> RM 30                 | <input type="checkbox"/> RM 45  | <input type="checkbox"/> RM 75    | <input type="checkbox"/> RM 90    | <input type="checkbox"/> RM 120   | <input type="checkbox"/> RM 150   | <input type="checkbox"/> RM 180   |
|                                                        | Pasagan sahaja                | <input type="checkbox"/> RM 30                 | <input type="checkbox"/> RM 45  | <input type="checkbox"/> RM 75    | <input type="checkbox"/> RM 90    | <input type="checkbox"/> RM 120   | <input type="checkbox"/> RM 150   | <input type="checkbox"/> RM 180   |
| Pekerjaan Kelas 3                                      | Diri sendiri sahaja           | <input type="checkbox"/> RM 70                 | <input type="checkbox"/> RM 70  | <input type="checkbox"/> RM 70    | T/B                               | T/B                               | T/B                               | T/B                               |
|                                                        | Pasagan sahaja                | <input type="checkbox"/> RM 70                 | <input type="checkbox"/> RM 70  | <input type="checkbox"/> RM 70    | T/B                               | T/B                               | T/B                               | T/B                               |

Nota: Kadar premium di atas tidak termasuk 8% Cukai Perkhidmatan.

Premium Tahunan (A+B) : RM  
Tambah 8% Cukai Perkhidmatan : RM  
Tambah Duti Setem RM10.00 : RM  
**Jumlah Amaun Perlu Dibayar : RM**

Tempoh Insurans: Dari hh/bb/tt Kepada hh/bb/tt

|                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Ambil alih Bonus Pembaharuan - terpakai kepada produk dengan Bonus Pembaharuan: <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak                                                | Penanggung Insurans Terdahulu:                                                                                                                 |
| Bonus Pembaharuan Polisi Sebelumnya<br>Bilangan Tahun: _____<br>Peratusan: _____ %<br>Nota: Sila sertakan salinan jadual polisi/notis pembaharuan sebelumnya bersama borang cadangan ini. | Bonus Pembaharuan Peringkat Seterusnya pada <b>SmartPA Enhanced</b><br>Peratusan: _____ %<br>(Untuk diisi oleh Pengawai Perkhidmatan Generali) |

**D. MAKLUMAT AM**

1. Adakah anda atau mana-mana orang yang akan diinsuranskan pernah diisytiharkan muflis atau sedang dalam prosiding undang-undang daripada Jabatan Insolvensi atau pernahkah anda pernah disabitkan di mahkamah undang-undang atau sedang dalam prosiding undang-undang di mana-mana negara?  
☐ Ya ☐ Tidak

2. Adakah insurans yang kini dicadangkan pernah ditolak, dibatalkan, ditolak pembaharuan atau tertakluk kepada syarat khas oleh mana-mana syarikat insurans? ☐ Ya ☐ Tidak

Jika 'Ya', sila berikan butiran.

3. Adakah anda kini dilindungi oleh mana-mana Insurans Kemalangan Diri?

☐ Ya. Sila nyatakan jumlah dan nama syarikat insurans.

☐ Tidak

4. Adakah anda atau mana-mana orang yang diinsuranskan pernah membuat tuntutan terhadap mana-mana syarikat insurans di bawah polisi kemalangan diri dalam tempoh 5 tahun yang lalu? ☐ Ya ☐ Tidak

Jika 'Ya', sila berikan butiran.

5. Adakah anda dan orang yang diinsuranskan kini secara amnya berada dalam keadaan sihat dan bebas daripada sebarang kecacatan fizikal?

Jika 'Ya', sila berikan butiran.

☐ Ya ☐ Tidak

6. Adakah anda atau mana-mana orang yang diinsuranskan pernah mengalami sebarang penyakit atau menerima rawatan perubatan atau pembedahan dalam tempoh 5 tahun lepas yang telah menghalang anda atau mereka daripada menghadiri pekerjaan, usaha atau perniagaan biasa?

Jika 'Ya', sila berikan butiran.

☐ Ya ☐ Tidak

7. Adakah kerja anda memerlukan anda bekerja sama ada dengan jentera atau tol atau ketinggian melebihi 10 meter atau di bawah kedalaman 3 meter atau di luar pesisir atau di lombong atau melancong ke luar negara atau terlibat dalam sebarang aktiviti atau usaha yang berbahaya?

Jika 'Ya', sila berikan butiran.

☐ Ya ☐ Tidak

8. Saya mengesahkan bahawa Jumlah Pelan Diinsuranskan untuk diri saya sendiri atau orang yang diinsuranskan adalah kurang daripada lima (5) kali ganda purata pendapatan tahunan atau pendapatan bersih dua tahun lepas untuk diri sendiri atau diri mereka sendiri, atau perniagaan masing-masing. ☐ Ya ☐ Tidak

## E. PENAMAAN CALON

Saya/Kami dengan ini mencalonkan yang berikut sebagai penama saya/kami untuk **Insurans SmartPA Enhanced**.

| Penama             | Nama & Alamat | No. K/P Baharu | Tarikh Lahir | Hubungan | Peratusan % |
|--------------------|---------------|----------------|--------------|----------|-------------|
| Untuk Diri Sendiri |               |                |              |          |             |
|                    |               |                |              |          |             |
| Untuk Pasangan     |               |                |              |          |             |
|                    |               |                |              |          |             |

Nama Saksi: \_\_\_\_\_

Tandatangan Saksi: \_\_\_\_\_

(Saksi mestilah berumur 18 tahun ke atas dan bukan penama yang dinamakan di bawah polisi yang sama. (Mengikut perenggan 2(3) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013))

### NOTIS PENTING TENTANG PENAMAAN CALON & PEMEGANG AMANAH - Menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

- Selain bagi Pencadang Islam, di mana penama adalah pasangan atau anak kepada Pencadang atau jika Pencadang tidak mempunyai pasangan atau anak yang masih hidup pada masa penamaan, ibu atau bapa akan menjadi penama, maka suatu amanah hendaklah diwujudkan ke atas penama di bawah Perenggan 5(1) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- Pasangan/anak kepada bukan Islam yang sudah berkahwin dan ibu bapa kepada penama bukan Islam yang belum berkahwin menerima manfaat polisi secara amanah. Hanya manfaat kematian sahaja perlu dibayar kepada pemegang amanah dan kebenaran bertulis pemegang amanah diperlukan untuk membatalkan penama tersebut atau untuk mengubah atau menyerahkan polisi.
- Mana-mana penama bukan Islam lain akan dianggap sebagai wasi/pentadbir harta pusaka dan bukan sebagai benefisiari.
- Pemilik polisi hendaklah melantik pemegang amanah untuk wang polisi dan sekiranya gagal berbuat demikian, penama yang berwibawa hendaklah menjadi pemegang amanah.
- Jika pemilik polisi berhasrat agar penama menerima wang polisi sebagai benefisiari dan penama bukan pasangan, anak atau ibu bapanya di bawah Perenggan 5, Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, maka beliau harus memindahkan manfaat polisi kepada penama.
- Mana-mana penama beragama Islam hendaklah menerima manfaat polisi sebagai wasi/pentadbir harta pusaka dan bukan sebagai benefisiari.
- Penama mestilah berumur 18 tahun ke atas.

## F. KAEDAH BAYARAN

Saya ingin membayar premium RM (termasuk semua cukai) ("Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar")

Dengan: ☐ Tunai ☐ Cek (Sila palangkan cek dan di atas nama 'Generali Insurance Malaysia Berhad')

| Bank | No. Cek | Jumlah (RM) |
|------|---------|-------------|
|      |         |             |

☐ Pemindahan Dalam Talian

☐ Kad Kredit/Debit

### Nota:

- Untuk pemindahan dalam talian, pembayaran kad kredit dan debit, sila rujuk kepada wakil perkhidmatan Generali anda untuk maklumat akaun bank syarikat.
- Kutipan pembayaran tidak boleh dianggap sebagai penerimaan permohonan anda sehingga cadangan diluluskan oleh penginsurans dan tertakluk kepada kelulusan pembayaran jika dibuat melalui cek atau kad kredit. Jika kad kredit ditolak, permohonan/pembaharuan serta resit dianggap dibatalkan secara automatik dan penginsurans tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan.

☐ Sila aktifkan pembaharuan automatik untuk polisi saya dan kenakan bayaran Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar ke atas kad debit/kredit saya di atas.

☐ Sila aktifkan Pelan Pembayaran Ansuran Faedah 0%. (Terpakai untuk pelan dengan premium melebihi RM500)

### **Nota Penting:**

- Pengaturan ansuran faedah 0% ini hanya untuk pelan ansuran selama 12 bulan.
- Pengaturan ansuran kami adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan dan semua terma dan syarat kad kredit bank pengeluar. Untuk senarai bank-bank yang mengambil bahagian, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan kami atau ejen anda.
- Sila ambil perhatian bahawa di bawah pengaturan ansuran, bayaran balik premium (jika ada) akan dilakukan melalui akaun kredit pemegang kad Kredit dan tertakluk kepada kriteria kelayakan dan semua terma dan syarat kad kredit bank pengeluar.bank pengeluar kad kredit.

## G. PENGAKUAN

- Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa segala jawapan dan pernyataan yang diberikan adalah benar, dan saya/kami telah mendedahkan segala informasi yang berkaitan dengan permohonan ini. Saya/Kami memahami bahawa ini merupakan tanggungjawab saya/kami untuk mengambil Tindakan munasabah untuk tidak membuat sebarang pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di atas.
- Saya/Kami dengan ini membenarkan untuk Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau mana-mana syarikat di bawah Kumpulan Generali dan/atau mana-mana syarikat berkaitan, dalam atau luar Malaysia, untuk memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan dan dalam skop Notis Data Privasi.
- Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami Lembaran Pendedahan Produk ini, Polisi dan bersetuju untuk terikat dengan segala terma dan syarat yang terkandung. Saya/Kami turut mengambil maklum terhadap tanggungjawab sebagai pemilik polisi di bawah kontrak polisi dan telah menghubungi wakil daripada Generali Insurance Malaysia Berhad untuk mendapatkan penjelasan terhadap mana-mana terma yang saya/kami tidak faham sebelum bersetuju untuk memasuki kontrak ini.

☐ Saya/Kami telah membaca dan bersetuju dengan segala terma dan syarat yang dinyatakan diatas (Mandatori).

☐ Saya/Kami bersetuju untuk menerima sebarang tawaran istimewa, promosi dan informasi yang berkaitan dengan produk insurans, majlis dan servis daripada Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau sebarang syarikat berkaitan dengan Kumpulan Generali (Pilihan).

Tandatangan Pencadang:

Tarikh: hh/bb/tt

## H. PENGAKUAN OLEH PENGANTARA/PENANGGUNG INSURANS

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah melihat salinan asal Kad Pengenalan/Pasport dan mengesahkan tandatangan yang sah dan identiti pencadang.

Tandatangan Pengantara/Penanggu Insurans:

Tarikh: hh/bb/tt

Nama:

No. Akaun:

**Nota:** Sila lampirkan salinan Kad Pengenalan/Pasport Pencadang sekiranya premium melebihi RM50,000.

## I. NOTIS DATA PRIVASI

Privasi anda adalah penting bagi kami, Generali Insurance Malaysia Berhad (“Generali Malaysia”), dan kami komited sepenuhnya untuk memastikan data peribadi anda di bawah jagaan kami adalah selamat dan terjamin selaras dengan \*Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”). Perenggan berikutnya akan memberi anda pemahaman yang lebih baik mengenai cara kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan, menjamin, mengekalkan ketepatan serta cara untuk anda mengakses data peribadi anda.

### Pengumpulan Data Peribadi

Untuk memproses pembelian polisi insurans dan melaksanakan perkhidmatan polisi, anda perlu memberi kami data peribadi yang wajib diberikan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, maklumat berkaitan dengan keadaan kesihatan atau perubatan anda, nombor kad bagi tujuan pembayaran, nombor akaun bank, penilaian kelayakan kredit, kewangan, keluarga dan bukan keluarga, media sosial dll. Data peribadi anda direkodkan di dalam borang cadangan atau permohonan dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan apabila anda berurusan atau apabila anda memerlukan penukaran atau perubahan ke atas maklumat peribadi anda. Data peribadi yang disediakan oleh anda akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat kami untuk diproses, disimpan dan untuk pelaksanaan kewajipan kami berkaitan dengan polisi anda.

### Pemprosesan dan Penggunaan Data Peribadi

Kami memproses data peribadi anda untuk tujuan berikut:

1. untuk pelaksanaan perjanjian di antara Generali Malaysia dan anda;
2. untuk pelaksanaan fungsi-fungsi kami;
3. untuk pelaksanaan proses ketelitian wajar kami untuk mengendalikan semakan latar belakang untuk memperakui dan mengesahkan maklumat yang disediakan oleh anda;
4. untuk mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan, garis panduan dan/atau keperluan undang-undang atau kawal atur yang terpakai, dan juga untuk keperluan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan apa-apa pihak berkuasa yang kami tertakluk kepada, atau apa-apa perintah Mahkamah;
5. untuk tujuan litigasi, membela atau membalas sewajarnya kepada tindakan undang-undang sebenar atau berpotensi atau pertanyaan yang melibatkan badan kawal selia dan badan bukan kawal selia;
6. untuk melindungi hak-hak dan hartanah kami secara umum dan juga untuk memastikan kecekapan teknikal dan pemfungsian sistem kami;
7. untuk memantau dan mengesan apa-apa aktiviti penipuan dalam industri insurans;
8. untuk pemasaran (termasuk pemasaran langsung) produk insurans;
9. untuk mengendalikan penyelidikan pasaran, memahami dan menganalisa tingkah laku, lokasi, pilihan dan demografi pelanggan kami agar kami dapat menawarkan kepada anda produk dan perkhidmatan lain dan juga melaksanakan tawaran khas dan program pemasaran yang mungkin relevan kepada pilihan dan profil anda; dan
10. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui agensi pelaporan kredit; dan
11. tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

Semua data peribadi yang diminta oleh kami adalah wajib kecuali dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda tidak menyediakan kepada kami maklumat yang berkenaan, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda perlindungan insurans atau membalas kepada apa-apa tuntutan.

### Pemindahan Data Peribadi

Disebabkan sifat global Generali Malaysia, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat berkaitan (“Kumpulan Generali”) dan rangkaian perniagaan di seluruh dunia, untuk tujuan yang dinyatakan di atas, kami mungkin memindahkan data peribadi di peringkat antarabangsa kepada pihak di negara lain yang mempunyai rejim perlindungan data yang berbeza. Data peribadi mungkin dipindahkan ke pusat data Kumpulan Generali”, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, agensi pelaporan kredit, pihak berkuasa kerajaan atau pentadbiran untuk memenuhi tujuan secara langsung atau tidak langsung sepadan dengan tujuan pengumpulan data peribadi.

### Penzahiran Data Peribadi

Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut (termasuk di dalam dan di luar Malaysia):

1. Kumpulan Generali;
2. mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan, kontraktor atau pihak ketiga yang menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Generali;
3. mana-mana orang yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada kami; sebagai contoh, juruaudit luar, pengamal perubatan, pemegang amanah, syarikat insurans, dan aktuari;
4. agensi kerajaan, badan pengatur, dan pihak berkuasa lain;
5. rakan-rakan perniagaan dan pakatan strategik kami;
6. pemegang serah hak atau bakal pemegang serah hak, pemeroleh atau bakal pemeroleh dan pengganti hakmilik kami; dan
7. mana-mana pihak lain, yang mana anda telah memberi persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

Dengan menyambungkan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan akaun media sosial anda yang lain, anda membenarkan kami mendedahkan data dengan pembekal akaun media sosial anda yang lain dan anda memahami bahawa penggunaan data yang kami dedahkan akan dikawal selia oleh polisi privasi laman web media sosial penyedia perkhidmatan yang lain. Jika anda tidak mahu data peribadi anda didedahkan dengan pengguna lain atau dengan penyedia akaun media sosial anda yang lain, sila jangan pautkan akaun media sosial anda yang lain dengan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan jangan ambil bahagian dalam perkongsian sosial di platform digital Generali Malaysia;

Anda juga boleh mendedahkan data peribadi pada papan mesej, laman sembang, halaman profil dan blog, serta platform digital Generali Malaysia lain di mana anda boleh memuat naik data dan kandungan. Sila ambil maklum bahawa sebarang maklumat yang anda muat naik atau dedahkan melalui platform ini akan dilihat oleh pelawat, pengguna platform digital Generali Malaysia serta komuniti. Kami menasihati anda supaya berhati-hati apabila cuba mendedahkan data peribadi anda, atau sebarang maklumat lain yang berkaitan apabila menggunakan platform digital Generali Malaysia.

### Permintaan untuk Akses, Pembetulan dan Memadam Data

Kami mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi yang disediakan oleh anda atau pihak yang dibenarkan oleh anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul dan diproses selanjutnya.

Di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda mempunyai hak untuk:

- mengakses atau meminda atau membetulkan data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;
- meminta pemadaman data peribadi anda di bawah alasan tertentu;
- menarik balik kebenaran anda atau meminta perubahan kepada skop persetujuan anda;
- membuat aduan kepada Generali Malaysia mengenai pengendalian data;

Sila ambil perhatian bahawa sesetengah data peribadi mungkin dikecualikan daripada hak akses, pembetulan, bantahan, pemadaman atau penindasan mengikut undang-undang perlindungan data tempatan.

**Perlindungan Data Peribadi**

Melaksanakan langkah yang mencukupi untuk melindungi data peribadi anda adalah keutamaan Generali Malaysia untuk memastikan ia sejajar dengan privasi data dan undang-undang perkhidmatan kewangan yang berkaitan. Namun begitu, tiada penghantaran data melalui internet atau sistem storan data boleh dijamin sepenuhnya. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami terjejas, sila maklumkan kepada kami dengan segera.

**Penyimpanan**

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan asal ia dikumpul. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika tidak lagi diperlukan melainkan pengekalan sedemikian diperlukan untuk tujuan operasi, audit, undang-undang, kawal selia, cukai atau perakaunan kami.

**Produk dan Perkhidmatan Baru**

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempromosikan kesedaran dan pemahaman lebih mendalam terhadap produk dan perkhidmatan baru kami yang berfaedah kepada anda, kami dari semasa ke semasa akan menghubungi atau menghantar maklumat berkaitan dengan produk dan perkhidmatan baru tersebut kepada anda.

**Pertanyaan dan Aduan**

Sekiranya anda perlu menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan, pembedaan, pemadaman atau aduan, sila hubungi unit Perkhidmatan Pelanggan kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 (Isnin – Jumaat 8:45 pagi – 5:00 petang, kecuali cuti umum) atau e-mel [customer.service.gi@generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my).

\*Nota: Akta ini tidak terpakai bagi:

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia; dan
- data peribadi yang diproses untuk invoice elektronik yang dikeluarkan atau dihantar kepada Ketua Pengarah di bawah Akta Kewangan (No. 2) 2023.

Sekiranya terdapat pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk "Notis Data Privasi" di laman web kami.